

Senjata-senjata yang selalu digunakan beraneka rupa dan jenis: ada yang diperbuat daripada logam dan ada yang diperbuat daripada bukan logam, ada yang berbentuk pendek dan ada yang berbentuk panjang.

Di antaranya ialah keris, pedang, badik, kelewang, kapak, lading, lawi ayam, sonak pari, tongkat kayu dan runcing buluh. Bagaimanapun keris adalah senjata Melayu yang dianggap paling istimewa kerana selain daripada mempunyai nilai estetik, ia juga dipercayai mempunyai kuasa keramat.

Kenyataan ini jelas sekali ditonjolkan dalam adegan pertikaman tragik di antara Hang Tuah dengan Hang Jebat.

Terbunuhnya Hang Jebat hanyalah setelah keris Taming Sari terlepas ke tangan Hang Tuah bukan kerana keistimewaan ilmu persilatan Hang Tuah!

Jikalau diteliti, kebanyakan kumpulan Seni Silat Melayu ada mengandungi ciri-ciri yang terdapat dalam ketiga-tiga kategori Seni Silat Melayu iaitu Seni Silat Tari, Seni Silat Jatuh dan Seni Silat Buah. Oleh sebab terdapatnya gabungan ciri-ciri daripada ketiga-tiga kategori tadi dalam sesuatu jenis seni silat telah menyebabkan orang ramai, terutamanya orang Barat dan juga setengah-setengah golongan orang Melayu sendiri yang kurang memberi perhatian dan penelitian kepada kesenian Melayu. Mereka menyangka Seni Silat

Melayu itu hanya terdiri dari satu kategori saja.

Adalah kurang menyenangkan lagi apabila ada di antara mereka itu menuduh sewenang-wenangnya bahawa Seni Silat Melayu hanyalah satu bentuk ataupun satu aliran tarian Melayu dan tidak boleh dianggap sebagai **B. Minggu (M)** ini mempertahankan diri — kemampuannya sangat diragukan.

Tuduhan itu dilemparkan hanyalah semata-mata berpandukan kepada apa yang mereka tonton di upacara pertunjukan keramaian, bukan berpandukan kepada pembelajaran atau penyelidikan secara serius.

## Diragukan

Mengikut pendapat beberapa orang guru silat, Seni Silat Melayu berasal dari Indonesia (khususnya, Sumatera) dan telah dibawa masuk oleh para pedagang dan pengembara.

Ini hanyalah satu anggapan umum. Untuk mengetahui dengan lebih mendalam dan tepat asal usul Seni Silat Melayu, perlulah diadakan satu penyelidikan ilmiah kerana wujudnya beberapa hipotesis yang boleh diajukan. Di antaranya ialah Seni Silat Melayu mungkin sudah lama wujud secara bersendirian di Semenanjung Tanah Melayu sebelum datangnya pengaruh asing seperti Hindu, Sri Vijaya atau Majapahit. Persoalan ini dikira belum pernah diterokai oleh mana-mana penyelidik

(mengikut pengetahuan penulis).

Sungguhpun begitu, daripada beberapa buku sejarah sastera 'Hikayat Hang Tuah' dan 'Sejarah Melayu', kita dapat mengetahui sedikit sebanyak mengenai sejarah Seni Silat Melayu. Ternyata Seni Silat Melayu sudah lama bertapak di negeri Melaka sebelum kedatangan bangsa Feringgi pada awal abad keenam belas.

Boleh dikatakan kebanyakan orang Melayu yang rapat dengan istana pada masa itu tahu ataupun mempelajari seni silat. **20 JAN 1985**  
Perincian tentang ke-

hebatan Seni Silat Melayu dapat dicungkil daripada adegan pertikaman keris di antara Hang Tuah dengan Taming Sari dan juga daripada adegan pertikaman tragik di antara Hang Tuah dengan Hang Jebat.

Rasanya agak sukar bagi sesiapa, sesudah meneliti adegan pertikaman itu, untuk membuat kesimpulan bahawa Seni Silat Melayu adalah satu bentuk tarian dan tidak berkemampuan dijadikan sebagai seni mempertahankan diri.

Juga agak sukar untuk menidakkan kemungkinan telah sedia ada seni mempertahankan diri di

Semenanjung Tanah Melayu sebelum datangnya pengaruh dari negara tetangga kita kerana Hang Tuah telah mampu mengalahkan ilmu persilatan Taming Sari — seorang jaguh seni silat dari Jawa. Sedangkan tidak ada sebarang catatan yang menyatakan seni silat yang dipelajari dan diamalkan oleh Hang Tuah itu adalah berasal dari Jawa atau Sumatera. **B. Minggu (M)**

Di segi sejarah perkembangan di Semenanjung Tanah Melayu, Seni Silat Melayu menjadi satu kesenian utama yang perlu dipelajari dan diajar oleh setiap anak

Melayu. Dalam zaman pra-penjahar Barat, kedudukan seseorang ahli silat yang benar-benar pakar sangatlah dihargai, disanjung dan disegani sebagaimana dalam zaman sekarang kedudukan seseorang berpelajaran universiti, selulunya diumpamakan. Kalau diteliti atau dikaji, seni silat dalam diandaikan. Dalam zaman feudal diu adalah satu daripada beberapa faktor terpenting yang membolehkan seseorang anggota masyarakat mengalami 'mobiliti menegak' sebagaimana yang telah terbukti kepada Hang Tuah dan sahabat-sahabatnya.